

Bahasa nan indah dan sastera merupakan antara ciri dan ranah utama Al-Quran, kupas Dr Muhammad Faisol Fatawi, santri dan sarjana muda dari Indonesia.

Indah Quran pada sasteranya



MOHD RAMAN DAUD
raman@sph.com.sg

MENGAPAKAH Al-Quran ditulis dalam bentuk puisi yang indah?

Hal ini sudah menakjubkan masyarakat *jahiliyah* dalam zaman pra-Islam di tanah Arab, termasuk Makkah, sehingga kini.

Yang dimaksudkan *jahiliyah* bukanlah 'bodoh', tetapi lebih merujuk kepada kerosakan moral seperti penindasan ke atas wanita termasuk kanak-kanak perempuan, perhambaan dan permusuhan antara kabilah atau keadaan huru-hara.

BAHASA PIAWAI

"Tetapi dari segi bahasa dan sastera, terutama puisi, orang Arab di Makkah ketika itu sudah mencapai piawai (taraf yang tinggi)," kata Dr Muhammad Faisol Fatawi, M. Ag (gelar bagi Sarjana Agama), 41 tahun, seorang santri (kiai atau ustaz lulusan pesantren) dan pensyarah dalam bidang bahasa dan sastera Arab di Universiti Islam Negeri Malang, Indonesia.

Beliau merupakan penceramah pertama dalam *Siri Sastera Indonesia* anjuran Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Taman Warisan Melayu (TWM) tahun ini. Ceramahnya disampaikan pada Jumaat malam, 6 Mac lalu, di balai TWM.

Menurutnya, karya syair terbaik akan ditampilkan atau digantung di dinding Kaabah pada era itu. Ini dipanggil *Mu'allaqat*.

Peraduan menulis syair diadakan di pasar Ukaz. Antara penyair terbaik ialah Imru' al-Qais, Samaw'al ibn 'Adiya, al-Nabigha, Tarafa, Zuhayr dan Antar serta Hasan bin Tsabit asal Yathrib atau Madinah (wafat 654 Masihi dalam usia 120 tahun) yang kemudian menjadi sahabat Rasulullah *saw*.

Tertera dalam sejarah: Umar Al-Khattab berhasrat membunuh Rasulullah *saw* dan semakin terkejut berang apabila adiknya dan suaminya sudah masuk Islam. Namun, mendengar awal Surah Thaha dibacakan, hatinya lunak dan kemudian beliau menemui Rasulullah untuk memeluk Islam.

Ayat Quran dituduh menyalah sehingga para pembesar Makkah meminta Tufail bin 'Amr Al-Duwaisiy, seorang penyair terbi-

"Al-Quran bersifat luwes atau fleksibel dan tidak kejur sama sekali. Semangat Al-Quran inilah yang perlu ada pada Muslim. Jangan seperti ISIS (Negara Islam di Iraq dan Syria) yang keterlaluan sehingga hanya ia saja yang betul."

— Dr Muhammad Faisol Fatawi (kanan).

lang, untuk menilainya. Ternyata beliau terpegun sehingga menemui Rasulullah dan masuk Islam.


TURUN WAHYU

Menurut Dr Faisol, sejak wahyu diturunkan, suasana bersyair atau berpuisi di Makkah mulai berubah.

"Para penyair terpegun akan keindahan ayat Al-Quran. Sebab, bahasanya ialah bahasa yang mereka sudah kenal iaitu bahasa Arab. Tetapi pilihan kata dan susunan kalimatnya amat luar biasa," ceritanya.

Paman Nabi, Abu Lahab, dan seorang lagi pembesar Quraisy, Abu Jahal, pernah menyembunyi untuk mengintai Rasulullah bersolat dan membaca ayat al-Quran. Apabila mereka ketahuan tentang perbuatan masing-masing, mereka menjadi malu dan khuatir ia tersebar sehingga berjanji untuk merahsiakannya.

"Ada pelbagai peranan Al-Quran. Ia ditu-



PERJELAS DIMENSI KEINDAHAN BAHASA AL-QURAN: Dr Muhammad Faisol Fatawi, 41 tahun, mengupas keindahan bahasa Arab dan sastera Al-Quran dari segi penceritaan luar biasa yang bernas lagi universal sifatnya. Beliau merupakan penceramah pertama dalam *Siri Sastera Indonesia* anjuran Jabatan Pengajian Melayu NUS dan Taman Warisan Melayu yang diadakan baru-baru ini. — Foto M. O. SALLEH

runkan sebagai *zikrun* atau peringatan, menjelaskan kebenaran dan menolak kebatilan atau kebohongan sehinggalah sebagai penawar atau *syifa*," katanya.

Tegasnya, bahasa Arab yang digunakan Al-Quran telah menundukkan masyarakat Arab ketika itu.

MENGAPA SASTERA?

Dr Faisol menyatakan bahawa Al-Quran perlu menjadi bacaan yang senantiasa merangsangkan bukan saja dari segi keindahan bacaannya, malah ceritanya.

"Oleh itu, daripada sekadar ayat-ayat yang bersifat falsafah dan hukum yang boleh menjemukan, maka kebanyakan isi Al-Quran bersifat sastera," hujahnya.

Dimensi keindahan bahasa Al-Quran merupakan suatu yang amat luar biasa atau mukjizat yang kekal dari dahulu sehingga hari kemudian, tambahnya.

"Al-Quran bersifat luwes atau fleksibel

dan tidak kejur sama sekali. Semangat Al-Quran inilah yang perlu ada pada Muslim.

"Jangan seperti ISIS (Negara Islam di Iraq dan Syria) yang keterlaluan sehingga hanya ia saja yang betul," katanya.

Di Indonesia, terutama di pesantren (kekata Jawa bermaksud madrasah yang mempunyai asrama), Al-Quran dipelajari daripada sudut *balaghah* atau bahasa Arab, kemudian sasteranya. Muridnya diajar mendengar sehingga mengarang *qasidah* (syair Arab yang dilagukan) seperti Barzanji dan sebagainya.

"Tanpa unsur dan nilai sastera tadi, maka susah mempelajari bahasa Arab, termasuk Al-Quran. Dengan sastera tadilah, orang Arab yang *pagau* atau penyembah berhala bertukar menjadi manusia beradab dengan nilai-nilai universal," kata Dr Faisol.

NILAI UNIVERSAL

Islam dapat diterima di rantau ini kerana

BIODATA

Santri dan sarjana

LAHIR di Gresik, Jawa Timur, 41 tahun lalu, Dr Muhammad Faisol Fatawi belajar di Madrasah Ibtidaiyah Hidayatul Muhtadi'in Mojopuro Wetan Bungah dan lulus pada 1987. Selanjutnya, beliau belajar di Pesantren Ihyaul Ulum Dukun, Gresik, dan kelas menengah di Ihyaul Ulum (lulus 1990) dan menengah atas di Madrasah Aliyah Ihyaul Ulum (1993).

Beliau lulus sarjana muda di Fakultas Adab Jurusan Bahasa dan Sastera Arab Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta (sekarang Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga). Kesarjanaan bidang sama diperoleh pada 2004. Sejak 2003, beliau ialah pensyarah tetap di Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.

Beliau telah menterjemahkan buku dan menjadi editor berkala di beberapa penerbit. Kini, beliau mengelola Unit Penerbitan Kampus UIN Malang.

Sejak 2006 hingga kini, ayah dua anak itu aktif menjadi pengurus Lembaga Kajian dan Pengembangan Sumberdaya Manusia, Nahdatul Ulama (badan Islam terbesar) cawangan kota Malang. Laman blognya: mfaisolfatawi.blogspot.sg.

nilai-nilai sejagatnya dan disampaikan secara lunak, bukan dengan jalan kekerasan seperti peperangan.

"Ingatlah hukuman potong tangan ke atas pencuri sudah berlaku lama sebelum kedatangan Islam. Tetapi Allah mengizinkan dalam konteks masyarakat Arab ketika itu," hujah beliau.

Oleh itu, Islam dapat disesuaikan menurut konteks masyarakat selagi prinsip akidahnya terpelihara. Hal inilah yang menjadi kunci kejayaan Islam di Tanah Jawa lewat usaha para mubaligh terkenal yang kemudian dikenali sebagai Wali Songo.

"Ada lagu Jawa, *Tombo Ati*, yang liriknya ditulis salah seorang Wali Songo dan masih lagi dinyanyikan sampai sekarang oleh Opick," katanya, sambil mendendang *qasidah*, *Ilahi lastu lil firdausi ahl*, kemudian lagu *Tombo Ati* karya Sunan Kalijaga.

Di beberapa bahagian, irama kedua lagu hampir serupa.

Beliau merumuskan bahawa bahasa dan lebih utama sastera merupakan wahana yang universal dalam membawa mesej perubahan. Dan Islam, menerusi Al-Quran sebagai *kalam* atau ujaran Allah *swt*, telah menyerlahkannya.

Maka itu, katanya, tradisi di pesantren turut memancarkan bahasa dan sastera Melayu yang diilhamkan daripada Al-Quran, rumus Dr Faisol.

Rahsia dan mesej surah suci

DALAM tempoh kurang setengah jam, Dr Muhammad Faisol Fatawi menjawab beberapa persoalan mengenai sastera dan Al-Quran:

HINDARI KHAYAL

Peranan penulis atau sasterawan bukan mengkhayalkan pembacanya, tetapi membawa pembaca ke arah kebenaran, walaupun secara bercerita.

Menurut Dr Faisol, hal itu jelas terpapar dalam Surah Ash-Shu'ara', ayat 224-227:

"Dan para penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat.

"Tidaklah kamu melihat bahawa mereka mengembara di setiap lembah.

"Dan bahawa mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakan(nya)?

"Kecuali orang-orang (para penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."

Malah, dalam sebuah hadis, Rasulullah *saw* mengingatkan erti 'retorika' (pidato) dengan syair yang boleh mengkhayal dan mempesonakan orang ramai sehingga tersesat.

Oleh sebab itu, hujah Dr Faisol: "Sastera perlu dijadikan muatan nilai yang boleh membina akhlak dan sebalik."

Islam menegaskan adab pada diri penulis.

"Di pesantren, hal ini sangat diberatkan. Setiap murid mesti menguasai bahasa Arab agar faham dan dapat memahami Al-Quran dengan benar."

PUPUK NILAI

Berkenaan cara berkesan memupuk nilai Al-Quran, Dr Faisol menyarankan cara sastera Al-Quran.

"Berceritalah secara lisan buat peringkat kanak-kanak sehingga menulis bagi orang dewasa," katanya.

Banyak kisah Al-Quran boleh dijadikan iktibar, hujahnya, seperti kisah Nabi Musa (terbanyak dalam Al-Quran) — daripada siasatan yang diberi petunjuk Ilahi — sapa yang digunakan untuk membangkitkan mayat demi mendedahkan siapa pembunuhnya.

Beliau juga menceritakan kisah Nabi Musa *a.s.*, yang dianggap pemimpin agung, tetapi tidak sehebat Nabi Khidir *as* daripada Surah Al-Kahfi.

Nabi Musa ingin belajar daripada Nabi Khidir yang awal-awal lagi menegaskan bahawa Nabi Musa tidak mungkin dapat bersabar.

Ada tiga peristiwa yang amat luar biasa — Nabi Khidir membocorkan perahu, membunuh seorang kanak-kanak lelaki dan mendirikan tembok di rumah usang di pekan yang penduduknya tidak berbudi.

RAHSIA TINDAKAN

Setiap peristiwa itu dibantah oleh Nabi Musa. Kemudian, barulah Nabi Khidir menjelaskan:

► bahawa perahu-perahu tadi dibocorkan agar tidak dapat digunakan oleh raja yang zalim;

► anak tadi dibunuh kerana apabila besar akan menderhaka terhadap ibu bapa yang soleh, dan

► tembok tadi dibangunkan semula kerana di bawahnya terpendam harta warisan ibu bapa untuk dua anak yatim mereka.